

13 MAY 1999

DR MAHATHIR HADIRI MAJLIS TAHLIL DI MASJID NEGERI

KOTA KINABALU, 13 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menghadiri majlis tahlil di Masjid Negeri pada hari pertama lawatannya ke Sabah.

Antara yang hadir ialah Ketua Menteri Datuk Osu Sukam dan beberapa anggota kabinet serta pemimpin masyarakat.

Majlis tahlil itu diadakan sempena kemenangan Barisan Nasional pada pilihan raya negeri Mac lepas.

Dr Mahathir kemudian akan bersama-sama rakyat di Stadium Likas bagi satu lagi majlis kesyukuran kerana kejayaan pilihan raya itu.

--BERNAMA

HAK MAI